# Terima talipinggang baru dari Menteri

TANGAN menghulur tanda hormat dan pandangan yang begitu sirius dari Gadis Salmah binti Mohammed Ali, ketika menerima talipinggang barunya dari Menteri Halehwal Masyarakat, Encik Othman Wok, malam kemarin.

Gadis itu, yang memakai talipinggang hijau menerima talipinggang merahnya dari Menteri itu dalam satu upacara pertunjukan silat Gayung dan penyampaian talipinggang di Balai Rakyat Pasir Panjang.

Dia adalah antara hampir 100 orang penuntut silat yang telah berjaya lulus dalam ujian-ujian berbagai peringkat yang diadakan oleh kumpulan silat balai itu.

### Bimbingan

Terdahulu dari itu, dia dan kumpulannya telah menunjukkan bakat masing-masing dalam bersilat samada pertarungan dengan tangan kosong, kepada pertarungan bersenjatakan tembung, simbat, keris, pisau, parang dan rantai.

Kumpulan silat balai itu, menerima bimbingan dan latihan dari jurulatih mereka, Encik Hussain Kaslan, yang juga menjadi ketua jurulatih silat gayung PASAK.

Satu upacara penyampaian surat tauliah kepada ahli-ahli jawatankuasa balai-balai rakyat di kawasanundi Pasir Panjang, telah diadakan juga.

Mereka yang menerima surat tersebut dari Menteri itu adalah dari Balai Rakyat Zehnder Road, Balai Rakyat Pulau Seking, Balai Rakyat Pulau Semakau, Balai Rakyat Alexandra Terrace, Balai Rakyat Pulau Sudong, dan Balai Rakyat Pasir Panjang.

# Belia2 digesa supaya — suburkan silat Melayu

22 SEP 1974

Berita Minggu

**Oleh A. HANIS**

TANGKAK, Sabah. — Belia-belia telah digesa supaya mempelajari, menghidupkan dan menyuburkan seni silat Melayu di negara ini supaya dapat dibanggakan sebagai salah satu cabang dan kebudayaan rakyat Negara ini.

Seruan tersebut telah dibuat oleh pengerusi Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan Masyarakat, Negeri Johor, yang baharu Encik Ngah bin Haji Abdul Rahman dalam Majlis Khatam, 30 orang belia, yang mempelajari Seni Silat Sending di Kampung Solok, dekat sini, baru-baru ini.

Katanya: "Pada masa ini, boleh dikatakan sebilangan besar belia kita tidak memahami dan menghargai nilai - nilai seni bangsanya sendiri.

"Keadaan ini, sekiranya dibiarkan berlanjutan di satu masa kelak belia-belia kita akan tertanya-tanya dan tercari-cari manakah satu kesenian dan kebudayaan bangsa dan negaranya."

Encik Ngah selanjutnya menyatakan kebanggaannya kerana pada masa ini terdapat sebilangan ahli-ahli seni silat di negara ini telah tampil kehadapan untuk memberi pimpinan dan tunjuk ajar kepada belia-belia seni mempertahankan diri.

"Langkah ini amat baik dan sewajarnya mendapat sambutan dari belia-belia," ujarnya.

Beliau menambah, "Walau apapun nama yang diberi kepada seni silat itu, namun seni gerak geri, tepis, langkah, sepak terajangnya bolehdikatakan sama."

Pengerusi Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor itu selanjutnya menasihatkan belia-belia yang sudah mempelajari seni silat itu supaya jangan bertindak di luar perlembagaan, jangan sombong dan takbor.

Beliau mengingatkan supaya mempelajari seni silat atau seni mempertahankan diri itu hendaklah digunakan pada tempat-tempat yang tertentu. Umpama menjaga kehormatan diri, harta benda, Negara, Ugama

# Gelangang seni silat Melayu Asam Jawa dibuka

22 SEP 1974

ALOR SETAR, Sabtu. — Pertubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia Kampung Baru, Asam Jawa, Mukim Padang Pusing, kira-kira 20 batu dari sini telah berjaya membuka gelanggang Seni Silat Melayu sejak sebulan lalu.

Menurut Setiausaha pertubuhan tersebut Encik Khadir Kassim, buat masa ini seramai 32 orang ahli sedang mempelajari seni silat itu.

Dengan adanya gelanggang silat ini akan dapat mengumpul belia-belia di daerah itu mempelajari seni mempertahankan diri, jelas Encik Khadir lagi.

Disamping itu, dapat meninggikan dan memperkembangkan seni silat Melayu di kalangan belia-belia tempatan.

### PUSAKA

Tengku Laksemana Kedah, YTM Tengku Kassim Ibni Al-Marhom Sultan Abdul Hamid telah merasmikan gelanggang tersebut baru-baru ini.

Ketika berucap merasmikan gelanggang, Tengku Laksemana Kedah menyeru belia-belia dapat memperkembangkan kebudayaan lama khasnya seni silat Melayu, supaya kebudayaan seperti ini tidak hilang begitu sahaja.

Belia-belia yang mempelajari seni silat hendaklah menumpukan sepenuhnya dan janganlan menyalah gunakan ilmu ini.

Katanya, silat Melayu asli ialah pusaka nenek kita yang tumboh lebih kurang 2,000 tahun lalu.

Terdahulu dari itu, wakil Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Kedah, Encik Ahmad Long berkata, pejabatnya akan menganjurkan Pesta Silat pada bulan depan.

Beliau berharap pertubuhan ini akan dapat menyertai pesta ini nanti.